

MEGA

IBU BAPA
JANGAN AMBAH
MASAKAH >>13

CENTRAL MARKET

PASAR SENI

Evolusi Pasar Seni



Pasar Seni umpama mini Malaysia

Oleh ROSMAWATI MION

NAMANYA dulu cukup terkenal. Terletak di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur, ketika itu ia menjadi lokasi pertemuan atau persinggahan ramai terutama remaja dan golongan muda.

Seronoknya sambil menunggu boleh menjamu mata melihat gelagat orang ramai yang keluar masuk ke bangunan tersebut. Tidakpun mata akan terpesona dengan keindahan hasil seni dan kraf tempatan yang dijual di situ. Itulah keunikan Pasar Seni.

Tahun demi tahun daya tarikkannya dilihat semakin pudar. Pasar Seni kemudian kurang dikunjungi. Andai tiada sebab bangunan bersejarah yang dibina di Jalan Hang Kasturi itu tidak akan dilawati apatah lagi hanya untuk berjalan-jalan menjamu mata.

Tetapi segalanya telah berubah. Pasar Seni kembali menjadi sebutan ramai.

Suntikan pembaharuan yang dilakukan sejak 2004 hingga kini membuatkan ia bersinar semula malah sebenarnya lebih baik berbanding dahulu.

Apa pun bangunan bersejarah berkeluasan 100,000 kaki persegi yang dibina pada 1888 itu masih tetap memainkan peranannya sebagai gedung khazanah kesenian dan warisan negara yang unggul.

Pengurus Besar Central Market Sdn. Bhd., Kow Shih-Li berkata, biarpun setelah pengurusan bertukar tangan dan kemudiannya bangunan itu diubah suai Pasar Seni masih mengekalkan matlamat asalnya iaitu sebagai sebuah kompleks seni dan kraf.

Asalnya pada awal tahun 1980-an, bangunan yang dahulunya adalah Pasar Besar Kuala Lumpur itu diuruskan oleh anak syarikat Kumpulan Melewar Berhad, Melewar Leisure Sdn. Bhd. Ia kemudian diambil alih oleh Central Market Sdn.

Bhd. pada tahun 2004.

Setelah berada dalam pengurusan baru ruang dalaman Pasar Seni dinaik taraf agar kelihatan lebih segar dan menarik agar bersesuaian untuk dikunjungi pelancong tempatan dan luar negara.

Lebih menarik pengubahsuaian dalaman yang dilakukan lebih berseni dan teratur. Diwujudkan juga pembahagian zon dalam bagi memudahkan pengunjung mencari barangan selain diserlahkan elemen-elemen budaya yang pasti mengagumkan pengunjung khususnya pelancong luar.

"Dahulu, suasananya agak berkecamuk. Hasil kraf bercampur dengan barangan lain termasuk lukisan. Tetapi sekarang, ia lebih fokus dan teratur.

"Sebabnya pengubahsuaian yang dilakukan semua bertema. Terdapat kira-kira lapan tema yang jelas dipamerkan oleh Pasar Seni.

"Antaranya Kampung Baru, Jalan Jonker Melaka iaitu lorong yang menampilkan seni bina bangunan bercirikan Baba dan Nyonya, The Blue Mansion, Pulau Pinang yang dipenuhi barangan antik tempatan dan Batik Emporium yang terletak di tingkat atas menjual segala barangan bermotifkan batik.

"Tidak ketinggalan kita wujudkan pembahagian zon seperti Lorong Melayu, Cina (Straits Chinese) dan India (Little India) yang masing-masing menyerlahkan kekuatan



KOW SHIH-LI



PASAR Seni kini kembali menjadi lokasi tumpuan pelancong dalam dan luar negara.

elemen budaya tersendiri yang dapat dilihat melalui hiasan dalamannya seperti ukiran, lantai jubin yang menghiasi lorong dan tidak ketinggalan barangan yang dijual di lorong-lorong tersebut.

"Semua ini dilakukan bertujuan memberi pengunjung merasai perbezaan budaya daripada masyarakat berbilang kaum yang terdapat di negara ini," katanya.

Shih-Li berkata, sebenarnya setiap lorong yang terdapat di Pasar Seni ini mempunyai konsep hiasan dalaman dan nama yang berbeza. Umpamanya, lorong menjual kerepek dinamakan Lorong Kelapa manakala peniaga-peniaga yang mengambil tempahan membuat reka bentuk motif pada kemeja-T dihimpunkan dalam satu lorong iaitu Jalan Kolonial.

Kata beliau, tema diwujudkan agar Pasar Seni menjadi lebih menarik di mata pengunjung. Pentingnya, kompleks tersebut tidak mahu dijadikan seperti pusat membeli-belah yang lain, sebaliknya ia kekal fokus kepada barangan tradisional dengan

menekankan seni dan kraf.

Justeru katanya, apabila pengunjung



MERENTAS zaman...Pasar Seni akan dikunjungi pelancong dan masyarakat tempatan sebagai pusat sehenti barangan kraf negara.